



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

STATISTIK GUNA TENAGA

EMPLOYMENT STATISTICS

SUKU TAHUN
KEDUA
SECOND QUARTER

2025



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

STATISTIK GUNA TENAGA EMPLOYMENT STATISTICS

SUKU TAHUN KEDUA 2025 SECOND QUARTER 2025

Pemakluman

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkuuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia julung kalinya berjaya menduduki tempat pertama di peringkat global di dalam laporan dwitahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW) dengan mengatasi 198 buah negara yang lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Announcement

ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

Malaysia has, for the first time, successfully recorded the top position globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 198 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life.' Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20th October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Diterbitkan dan dicetak oleh/Published and printed by:

Jabatan Perangkaan Malaysia
Department of Statistics Malaysia
Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel. : 03-8885 7000
Faks : 03-8888 9248
Portal : <https://www.dosm.gov.my>
Facebook/Twitter/Instagram : StatsMalaysia
E-mel/Email : info@dosm.gov.my (pertanyaan umum/general enquiries)
 data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data/
 data request & enquiries)

Harga/Price : RM20.00

Diterbitkan pada Ogos 2025/Published in August 2025

Hak cipta terpelihara/All rights reserved.

Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari penerbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in database without the prior written permission from the Department of Statistics, Malaysia. Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following:

“Source: Department of Statistics Malaysia”

ISSN 2636-9362

KATA PENGANTAR

Penerbitan ini membentangkan statistik guna tenaga pada suku tahun kedua 2025 dari perspektif permintaan buruh di Malaysia bagi keseluruhan sektor ekonomi. Statistik yang dibentangkan diperoleh daripada data Survei Guna Tenaga Suku Tahunan. Survei ini dilaksanakan ke atas pertubuhan formal dalam sektor swasta menggunakan pensampelan berkebarangkalian. Penyusunan statistik ini adalah berdasarkan rangka kerja dan garis panduan yang disyorkan oleh *International Labour Organization* dan amalan terbaik organisasi statistik negara lain.

Statistik yang dilapor dalam penerbitan ini adalah jawatan, jawatan diisi, kekosongan dan pewujudan jawatan. Penerbitan ini juga melaporkan statistik tahunan (2021 - 2024) dan suku tahunan (ST1 2022 - ST2 2025). Statistik ini dilaporkan mengikut lima sektor utama ekonomi iaitu Pertanian, Perlombongan & Pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan, dengan pecahan subsektor bagi sektor Pembuatan dan Perkhidmatan, dibahagikan kepada subsektor mengikut Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia 2008 Versi 1.0. Penerbitan ini turut memaparkan statistik guna tenaga mengikut kemahiran.

Statistik guna tenaga merupakan maklumat penting yang digunakan oleh kerajaan untuk tujuan menganalisis situasi pasaran buruh, menggubal dasar serta merancang, melaksana dan memantau program berkaitan pembangunan modal insan. Statistik ini juga dapat digunakan oleh ahli akademik, ahli ekonomi, penyelidik dan para pengguna lain dalam kajian berkaitan pasaran buruh.

Penerbitan ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama melaporkan penemuan utama survei manakala jadual statistik terperinci adalah di bahagian kedua. Aspek teknikal seperti skop dan liputan, konsep, definisi dan metodologi disediakan di bahagian ketiga bagi memudahkan pengguna memahami statistik yang diterbitkan.

Jabatan Perangkaan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada responden dan semua pihak yang menyumbang kepada pelaksanaan survei dan penyediaan penerbitan ini. Pandangan dan cadangan ke arah penambahbaikan penerbitan ini pada masa hadapan amat dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia

Ogos 2025



This publication presents the employment statistics for the second quarter of 2025 from the perspective of labour demand in Malaysia for the whole economic sectors. These statistics are based on the Quarterly Employment Survey which is conducted on formal private sector establishments using probability sampling. The statistics are compiled based on the framework and guidelines recommended by the International Labour Organization and best practices of other national statistical offices.

The statistics reported in this publications are jobs, filled jobs, vacancies and jobs created. This publication also reported annually (2021 - 2024) and quarterly statistics (Q1 2022 - Q2 2025). These statistics are reported by five main economic sectors namely Agriculture, Mining & Quarrying, Manufacturing, Construction and Services, with breakdown of sub-sectors for Manufacturing and Services sectors, classified according to Malaysia Standard Industrial Classification 2008 Version 1.0. This publication also consists of employment statistics by skill.

The employment statistics are important information used by the government for the purpose of analysing the labour market situation, policy formulation as well as planning, implementing and monitoring of programmes related to human capital development. These statistics can also be used by academicians, economists, researchers and other users for the studies related to the labour market.

This publication is divided into three sections. The first section presents the main findings of the survey while detailed statistical tables are in the second section. The technical aspects such as scope and coverage, concepts, definitions and methodology are provided in the third section to facilitate users' understanding of the published statistics.

The Department of Statistics Malaysia gratefully wishes the utmost appreciation towards the respondents and all parties involved in the survey and preparation of this publication. Feedbacks and suggestions towards the improvement of future publications are highly appreciated.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Chief Statistician Malaysia

August 2025



	Muka Surat Page
Kata Pengantar <i>Preface</i>	iii
Kandungan <i>Contents</i>	v
01 Ringkasan Penemuan <i>Summary of Findings</i>	1
02 Jadual <i>Tables</i>	23
1.1a Statistik Guna Tenaga Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi, 2021 - 2024 <i>Annual Employment Statistics by Economic Activity, 2021 - 2024</i>	25
1.1b Statistik Guna Tenaga Tahunan mengikut Kemahiran, 2021 - 2024 <i>Annual Employment Statistics by Skill, 2021 - 2024</i>	26
1.1c Kadar Jawatan Diisi dan Kadar Kekosongan, 2021 - 2024 <i>Rate of Filled Jobs and Rate of Vacancies, 2021 - 2024</i>	27
1.2a Statistik Guna Tenaga Suku Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi, ST1 2022 - ST2 2025 <i>Quarterly Employment Statistics by Economic Activity, Q1 2022 - Q2 2025</i>	28
1.2b Statistik Guna Tenaga Suku Tahunan mengikut Kemahiran, ST1 2022 - ST2 2025 <i>Quarterly Employment Statistics by Skill, Q1 2022 - Q2 2025</i>	30
1.2c Kadar Jawatan Diisi dan Kadar Kekosongan, ST1 2022 - ST2 2025 <i>Rate of Filled Jobs and Rate of Vacancies, Q1 2022 - Q2 2025</i>	32
2.1a Jawatan Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi, 2021 - 2024 <i>Annual Jobs by Economic Activity, 2021 - 2024</i>	34
2.1b Peratus Sumbangan Jawatan Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi, 2021 - 2024 <i>Annual Percentage Share of Jobs by Economic Activity, 2021 - 2024</i>	35
2.2a Jawatan Suku Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi, ST1 2022 - ST2 2025 <i>Quarterly Jobs by Economic Activity, Q1 2022 - Q2 2025</i>	36
2.2b Peratus Sumbangan Jawatan Suku Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi, ST1 2022 - ST2 2025 <i>Quarterly Percentage Share of Jobs by Economic Activity, Q1 2022 - Q2 2025</i>	38
2.3a Jawatan Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi dan Kemahiran, 2021 - 2024 <i>Annual Jobs by Economic Activity and Skill, 2021 - 2024</i>	40
2.3b Peratus Sumbangan Jawatan Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi dan Kemahiran, 2021 - 2024 <i>Annual Percentage Share of Jobs by Economic Activity and Skill, 2021 - 2024</i>	43



2.4a	Jawatan Suku Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi dan Kemahiran, ST1 2022 - ST2 2025	46
	<i>Quarterly Jobs by Economic Activity and Skill, Q1 2022 - Q2 2025</i>	
2.4b	Peratus Sumbangan Jawatan Suku Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi dan Kemahiran, ST1 2022 - ST2 2025	54
	<i>Quarterly Percentage Share of Jobs by Economic Activity and Skill, Q1 2022 - Q2 2025</i>	
3.1a	Jawatan Diisi Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi, 2021 - 2024	62
	<i>Annual Filled Jobs by Economic Activity, 2021 - 2024</i>	
3.1b	Peratus Sumbangan Jawatan Diisi Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi, 2021 - 2024	63
	<i>Annual Percentage Share of Filled Jobs by Economic Activity, 2021 - 2024</i>	
3.2a	Jawatan Diisi Suku Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi, ST1 2022 - ST2 2025	64
	<i>Quarterly Filled Jobs by Economic Activity, Q1 2022 - Q2 2025</i>	
3.2b	Peratus Sumbangan Jawatan Diisi Suku Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi, ST1 2022 - ST2 2025	66
	<i>Quarterly Percentage Share of Filled Jobs by Economic Activity, Q1 2022 - Q2 2025</i>	
3.3a	Jawatan Diisi Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi dan Kemahiran, 2021 - 2024	68
	<i>Annual Filled Jobs by Economic Activity and Skill, 2021 - 2024</i>	
3.3b	Peratus Sumbangan Jawatan Diisi Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi dan Kemahiran, 2021 - 2024	71
	<i>Annual Percentage Share of Filled Jobs by Economic Activity and Skill, 2021 - 2024</i>	
3.3c	Kadar Jawatan Diisi Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi dan Kemahiran, 2021 - 2024	74
	<i>Annual Rate of Filled Jobs by Economic Activity and Skill, 2021 - 2024</i>	
3.4a	Jawatan Diisi Suku Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi dan Kemahiran, ST1 2022 - ST2 2025	78
	<i>Quarterly Filled Jobs by Economic Activity and Skill, Q1 2022 - Q2 2025</i>	
3.4b	Peratus Sumbangan Jawatan Diisi Suku Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi dan Kemahiran, ST1 2022 - ST2 2025	86
	<i>Quarterly Percentage Share of Filled Jobs by Economic Activity and Skill, Q1 2022 - Q2 2025</i>	
3.4c	Kadar Jawatan Diisi Suku Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi dan Kemahiran, ST1 2022 - ST2 2025	94
	<i>Quarterly Rate of Filled Jobs by Economic Activity and Skill, Q1 2022 - Q2 2025</i>	
4.1a	Kekosongan Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi, 2021 - 2024	102
	<i>Annual Vacancies by Economic Activity, 2021 - 2024</i>	
4.1b	Peratus Sumbangan Kekosongan Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi, 2021 - 2024	103
	<i>Annual Percentage Share of Vacancies by Economic Activity, 2021 - 2024</i>	
4.2a	Kekosongan Suku Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi, ST1 2022 - ST2 2025	104
	<i>Quarterly Vacancies by Economic Activity, Q1 2022 - Q2 2025</i>	
4.2b	Peratus Sumbangan Kekosongan Suku Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi, ST1 2022 - ST2 2025	106
	<i>Quarterly Percentage Share of Vacancies by Economic Activity, Q1 2022 - Q2 2025</i>	

4.3a	Kekosongan Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi dan Kemahiran, 2021 - 2024 <i>Annual Vacancies by Economic Activity and Skill, 2021 - 2024</i>	108
4.3b	Peratus Sumbangan Kekosongan Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi dan Kemahiran, 2021 - 2024 <i>Annual Percentage Share of Vacancies by Economic Activity and Skill, 2021 - 2024</i>	111
4.3c	Kadar Kekosongan Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi dan Kemahiran, 2021 - 2024 <i>Annual Rate of Vacancies by Economic Activity and Skill, 2021 - 2024</i>	114
4.4a	Kekosongan Suku Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi dan Kemahiran, ST1 2022 - ST2 2025 <i>Quarterly Vacancies by Economic Activity and Skill, Q1 2022 - Q2 2025</i>	118
4.4b	Peratus Sumbangan Kekosongan Suku Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi dan Kemahiran, ST1 2022 - ST2 2025 <i>Quarterly Percentage Share of Vacancies by Economic Activity and Skill, Q1 2022 - Q2 2025</i>	126
4.4c	Kadar Kekosongan Suku Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi dan Kemahiran, ST1 2022 - ST2 2025 <i>Quarterly Rate of Vacancies by Economic Activity and Skill, Q1 2022 - Q2 2025</i>	134
5.1a	Pewujudan Jawatan Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi, 2021 - 2024 <i>Annual Jobs Created by Economic Activity, 2021 - 2024</i>	142
5.1b	Peratus Sumbangan Pewujudan Jawatan Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi, 2021 - 2024 <i>Annual Percentage Share of Jobs Created by Economic Activity, 2021 - 2024</i>	143
5.2a	Pewujudan Jawatan Suku Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi, ST1 2022 - ST2 2025 <i>Quarterly Jobs Created by Economic Activity, Q1 2022 - Q2 2025</i>	144
5.2b	Peratus Sumbangan Pewujudan Jawatan Suku Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi, ST1 2022 - ST2 2025 <i>Quarterly Percentage Share of Jobs Created by Economic Activity, Q1 2022 - Q2 2025</i>	146
5.3a	Pewujudan Jawatan Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi dan Kemahiran, 2021 - 2024 <i>Annual Jobs Created by Economic Activity and Skill, 2021 - 2024</i>	148
5.3b	Peratus Sumbangan Pewujudan Jawatan Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi dan Kemahiran, 2021 - 2024 <i>Annual Percentage Share of Jobs Created by Economic Activity and Skill, 2021 - 2024</i>	151
5.4a	Pewujudan Jawatan Suku Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi dan Kemahiran, ST1 2022 - ST2 2025 <i>Quarterly Jobs Created by Economic Activity and Skill, Q1 2022 - Q2 2025</i>	154
5.4b	Peratus Sumbangan Pewujudan Jawatan Suku Tahunan mengikut Aktiviti Ekonomi dan Kemahiran, ST1 2022 - ST2 2025 <i>Quarterly Percentage Share of Jobs Created by Economic Activity and Skill, Q1 2022 - Q2 2025</i>	162
03	Nota Teknikal <i>Technical Notes</i>	171



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank

RINGKASAN PENEMUAN

SUMMARY OF FINDINGS




STATISTIK GUNA TENAGA, SUKU KEDUA 2025




Jawatan Diisi
97.9%




Kekosongan
2.1%



Jumlah jawatan meningkat sebanyak 1.6 peratus atau bersamaan 142.2 ribu tahun ke tahun.



Kategori separuh mahir adalah penyumbang terbesar jawatan dengan peratus sumbangan sebanyak 62.4 peratus atau bersamaan dengan 5.67 juta jawatan.



(Green circle) Jawatan ('000) (Green square) Kekosongan ('000)
(Grey circle) Jawatan Diisi ('000) (Grey square) Pewujudan Jawatan ('000)
(Blue circle) Kadar Jawatan Diisi (%) (Blue square) Kadar Kekosongan (%)

Jawatan

Jumlah buruh yang merangkumi jawatan diisi dan kekosongan.

Pekerja bergaji (sepenuh masa & sambilan); tidak termasuk pemilik perseorangan dan rakan niaga, pekerja keluarga tanpa gaji & pekerja yang bercuti tanpa gaji.

Jawatan Diisi

Jawatan yang wujud dan tersedia untuk diisi tetapi belum diisi. Majikan secara aktif cuba mendapatkan calon melalui proses mengiklankan kekosongan, mengeluarkan notis dan berdaftar dengan agensi pekerjaan serta menjalankan temuduga untuk memilih calon bagi mengisi kekosongan.

Kekosongan

Jawatan yang wujud dan tersedia untuk diisi tetapi belum diisi. Majikan secara aktif cuba mendapatkan calon melalui proses mengiklankan kekosongan, mengeluarkan notis dan berdaftar dengan agensi pekerjaan serta menjalankan temuduga untuk memilih calon bagi mengisi kekosongan.

Pewujudan Jawatan

Jawatan yang diwujudkan dalam sesebuah organisasi yang mana jawatan tersebut belum pernah tersedia sebelum ini, termasuk skim perkhidmatan yang baru digubal, jawatan yang diwujudkan untuk kenaikan pangkat pekerja sedia ada dan pertambahan bilangan jawatan daripada struktur sedia ada.


Nota: Hasil tambah mungkin berbeza dengan jumlah kerana pembundaran secara berasingan.

Sumber: Statistik Guna Tenaga, Suku Kedua 2025, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)




@StatsMalaysia





Pengenalan

Penerbitan ini memaparkan statistik permintaan buruh yang diperoleh daripada Survei Guna Tenaga Suku Tahunan yang dilaksanakan ke atas syarikat perniagaan sektor swasta yang berdaftar, meliputi aktiviti utama ekonomi iaitu Pertanian, Perlombongan & Pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan. Statistik utama guna tenaga yang dibentangkan dalam penerbitan ini adalah jawatan, jawatan diisi, kekosongan dan pewujudan jawatan mengikut aktiviti ekonomi dan kategori kemahiran.

Konsep & Definisi


Permintaan buruh merujuk kepada jumlah buruh yang diperlukan oleh pertubuhan untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan pada satu masa tertentu. Permintaan buruh oleh pertubuhan dikelaskan kepada jawatan diisi dan kekosongan jawatan. Konsep dan definisi statistik permintaan buruh dalam penerbitan ini adalah seperti berikut:



Perincian bagi konsep dan definisi boleh dirujuk di nota teknikal pada muka surat 174 laporan ini.


Permintaan Buruh di Malaysia

Carta 1: Jawatan, Jawatan Diisi dan Kekosongan, ST1 2022 - ST2 2025



Sektor ekonomi mengekalkan momentum pertumbuhannya pada ST2 2025, dengan jumlah jawatan mencecah 9,097 ribu, iaitu tertinggi direkodkan sejak ST1 2022. Ini menunjukkan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 1.6 peratus, bersamaan dengan pertambahan sebanyak 142 ribu jawatan berbanding 8,955 ribu pada ST2 2024. Secara suku tahunan, bilangan jawatan meningkat secara marginal sebanyak 0.4 peratus, daripada 9,064 ribu pada ST1 2025. Kadar jawatan diisi kekal pada 97.9 peratus, bersamaan dengan 8,920 ribu jawatan diisi, manakala kadar kekosongan adalah 2.1 peratus, iaitu bersamaan 195 ribu kekosongan [Carta 1].


Carta 2: Pewujudan Jawatan, ST1 2022 - ST2 2025 ('000)



Pada ST2 2025, bilangan jawatan yang diwujudkan mencatatkan sedikit peningkatan tahun ke tahun sebanyak 0.2 peratus, merekodkan 31.9 ribu jawatan. Walau bagaimanapun, pewujudan jawatan menurun sebanyak 3.9 peratus secara suku tahunan, daripada 33.2 ribu pada ST1 2025 [Carta 2].

Permintaan Buruh, Suku Tahun Kedua 2025


Paparan 1: Permintaan Buruh, ST2 2024 & ST2 2025



Analisis prestasi keseluruhan permintaan buruh pada ST2 2025 menunjukkan bahawa semua indikator terus menunjukkan trend meningkat yang mencerminkan pasaran buruh yang berdaya tahan dan stabil. Jumlah jawatan meningkat sebanyak 1.6 peratus tahun ke tahun kepada 9,097 ribu jawatan (ST2 2024: 8,955 ribu). Daripada jumlah ini, 8,902 ribu adalah jawatan yang telah diisi, mengekalkan kadar pengisian jawatan pada 97.9 peratus. Pada masa yang sama, kadar kekosongan juga kekal pada 2.1 peratus, bersamaan dengan 194.9 ribu kekosongan, meningkat daripada 191.5 ribu pada ST2 2024. Selain itu, jawatan yang diwujudkan meningkat secara marginal sebanyak 0.2 peratus tahun ke tahun, mencecah 31.9 ribu [Paparan 1].

Permintaan Buruh mengikut Kategori Kemahiran

Paparan 2: Permintaan Buruh mengikut Kategori Kemahiran, ST2 2024 & ST2 2025



Seksyen ini memperincikan taburan dan prestasi jawatan, jawatan diisi, kekosongan dan pewujudan jawatan mengikut kategori mahir, separuh mahir dan berkemahiran rendah bagi ST2 2025.

Bagi **kategori mahir**, jumlah jawatan yang direkodkan meningkat kepada 2,289 ribu jawatan, iaitu peningkatan sebanyak 2.1 peratus tahun ke tahun daripada 2,243 ribu jawatan yang dicatatkan pada ST2 2024. Kadar jawatan diisi adalah 97.9 peratus, bersamaan dengan 2,241 ribu jawatan yang telah diisi. Kadar kekosongan adalah 2.1 peratus dengan 48.0 ribu kekosongan. Bilangan pewujudan jawatan dalam kategori ini menurun sebanyak 6.7 peratus, dengan sejumlah 7.93 ribu pewujudan jawatan direkodkan berbanding suku yang sama tahun lalu (ST2 2024: 8.50 ribu).


Kategori separuh mahir mencatatkan 5,674 ribu jawatan pada ST2 2025, peningkatan sebanyak 76.0 ribu daripada 5,598 ribu pada ST2 2024. Sementara itu, kadar jawatan diisi adalah 98.1 peratus dengan 5,564 ribu jawatan diisi, manakala kadar kekosongan adalah 1.9 peratus mewakili 109.5 ribu kekosongan. Pewujudan jawatan dalam kategori ini meningkat sebanyak 3.0 peratus dengan sejumlah 20.6 ribu jawatan baharu (ST2 2024: 20.0 ribu).

Bagi **kategori berkemahiran rendah**, jumlah jawatan meningkat sebanyak 1.8 peratus, mencatatkan 1,134 ribu jawatan (ST2 2024: 1,114 ribu). Sejumlah 1,097 ribu adalah jawatan diisi dengan kadar jawatan diisi sebanyak 96.7 peratus. Kadar kekosongan adalah 3.3 peratus, bersamaan dengan 37.4 ribu kekosongan. Sebanyak 3.36 ribu jawatan diwujudkan, mewakili 10.6 peratus daripada jumlah pewujudan jawatan dalam sektor ekonomi.

Di samping itu, taburan permintaan buruh mengikut kategori kemahiran menunjukkan bahawa kategori separuh mahir terus mendominasi, merangkumi lebih separuh daripada jumlah keseluruhan bagi semua indikator, diikuti oleh kategori mahir dan berkemahiran rendah. Kategori separuh mahir merangkumi 62.4 peratus jumlah jawatan, 62.5 peratus jawatan diisi, 56.2 peratus kekosongan dan 64.6 peratus pewujudan jawatan. Kategori mahir menyusul dengan sumbangan 25.1 peratus daripada jumlah jawatan, 25.2 peratus jawatan diisi, 24.6 peratus kekosongan dan 24.9 peratus pewujudan jawatan. Kategori berkemahiran rendah pula merekodkan 12.5 peratus daripada jawatan, 12.3 peratus jawatan diisi, 19.2 peratus kekosongan dan 10.5 peratus pewujudan jawatan **[Paparan 2]**.

Permintaan Buruh mengikut Aktiviti Ekonomi

Paparan 3: Permintaan Buruh mengikut Aktiviti Ekonomi, ST2 2025 (% Sumbangan)



Analisis permintaan buruh mengikut aktiviti ekonomi menunjukkan sektor Perkhidmatan mencatatkan sumbangan terbesar daripada jumlah **jawatan** iaitu 52.2 peratus (4,746 ribu), diikuti oleh Pembuatan pada 27.4 peratus (2,496 ribu). Sektor Pembinaan menyumbang 14.0 peratus jawatan (1,274 ribu), manakala sektor Pertanian merangkumi 5.5 peratus (501 ribu) jawatan. Sektor Perlombongan & Pengkuarian mencatatkan peratus sumbangan terendah iaitu 0.9 peratus (81 ribu) jawatan.


Dari segi **jawatan diisi**, sektor Perkhidmatan terus mendahului dengan 53.0 peratus iaitu 4,721 ribu jawatan diisi, diikuti oleh sektor Pembuatan dan Pembinaan masing-masing dengan 26.8 peratus (2,383 ribu) dan 14.0 peratus (1,249 ribu) jawatan diisi. Sementara itu, sektor Pertanian menyumbang 5.3 peratus atau 469 ribu jawatan diisi manakala sektor Perlombongan & Pengkuarian mencatatkan 0.9 peratus dengan 80 ribu jawatan diisi.

Kekosongan jawatan kebanyakannya tertumpu dalam sektor Pembuatan dengan sumbangan sebanyak 57.7 peratus atau bersamaan 112.4 ribu kekosongan, menunjukkan permintaan buruh yang berterusan dalam sektor ini. Sektor Pertanian menyumbang 16.3 peratus (31.8 ribu) kekosongan, manakala Pembinaan mewakili 13.0 peratus (25.2 ribu) dan sektor Perkhidmatan sebanyak 12.7 peratus (24.8 ribu). Selebihnya, iaitu 0.3 peratus (0.6 ribu) kekosongan adalah dalam sektor Perlombongan & Pengkuarian.

Bagi **pewujudan jawatan**, sektor Perkhidmatan merekodkan sumbangan terbesar iaitu 46.7 peratus (14.9 ribu). Ini diikuti oleh sektor Pembuatan dengan 37.4 peratus (11.9 ribu), Pembinaan


dengan 11.0 peratus (3.5 ribu) dan Pertanian dengan 4.2 peratus (1.3 ribu). Sektor Perlombongan & Pengkuarian menyumbang sebanyak 0.7 peratus (0.2 ribu) daripada jumlah keseluruhan jawatan yang diwujudkan [Paparan 3].

Paparan 4: Permintaan Buruh Sektor Pertanian, ST2 2024 & ST2 2025




Sektor **Pertanian** mencatatkan pertumbuhan sederhana sebanyak 0.2 peratus tahun ke tahun dalam jumlah jawatan, meningkat kepada 501 ribu jawatan pada ST2 2025 berbanding 500 ribu pada suku yang sama tahun 2024. Jumlah jawatan diisi juga meningkat sebanyak 0.3 peratus kepada 469 ribu, mencerminkan kadar pengisian jawatan sebanyak 93.7 peratus. Pada masa yang sama, jumlah kekosongan kekal tidak berubah iaitu 31.8 ribu pada kedua-dua ST2 2025 dan ST2 2024. Pada suku semasa, sektor ini merekodkan 1.3 ribu pewujudan jawatan [Paparan 4].

Paparan 5: Permintaan Buruh Sektor Perlombongan & Pengkuarian, ST2 2024 & ST2 2025



Sektor **Perlombongan & Pengkuarian** mencatatkan peningkatan tahun ke tahun sebanyak 0.5 peratus dalam jumlah jawatan, menjadikan sejumlah 81 ribu jawatan direkodkan pada ST2 2025. Daripada jumlah ini, 99.3 peratus (80 ribu) adalah jawatan diisi, manakala kadar kekosongan adalah 0.7 peratus (0.6 ribu). Pada suku ini, sektor ini mencatatkan peningkatan pewujudan jawatan sebanyak 0.5 peratus tahun ke tahun, bersamaan 0.2 ribu [Paparan 5].

Paparan 6: Permintaan Buruh Sektor Pembuatan, ST2 2024 & ST2 2025




Subsektor Produk elektrik, elektronik & optikal kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan permintaan buruh dalam sektor **Pembuatan**. Pada ST2 2025, sektor ini merekodkan 2,496 ribu jawatan, menunjukkan pertumbuhan sebanyak 1.5 peratus tahun ke tahun, bersamaan dengan pertambahan sebanyak 37 ribu jawatan berbanding ST2 2024 (2,459 ribu). Daripada jumlah ini, 95.5 peratus (2,383 ribu) adalah jawatan diisi, manakala selebihnya 4.5 peratus (112.4 ribu) masih kosong.

Mengikut pecahan subsektor, subsektor Produk elektrik, elektronik & optikal merekodkan jumlah jawatan tertinggi iaitu 657 ribu, diikuti oleh subsektor Produk petroleum, kimia, getah dan plastik dengan 451 ribu jawatan. Kadar jawatan diisi tertinggi direkodkan dalam subsektor Tekstil, pakaian & produk kulit iaitu 96.5 peratus, diikuti rapat oleh subsektor Barang mineral bukan logam, logam asas & produk logam fabrikasi dan subsektor Pemprosesan makanan, minuman & produk tembakau pada kadar 95.9 peratus. Sebaliknya, subsektor Produk elektrik, elektronik & optikal mencatatkan kadar jawatan diisi terendah iaitu 94.7 peratus.


Beralih kepada kekosongan, sejumlah 112.4 ribu jawatan telah direkodkan dalam sektor Pembuatan. Kadar kekosongan tertinggi direkodkan dalam subsektor Produk elektrik, elektronik & optikal iaitu 5.3 peratus, diikuti oleh subsektor Produk kayu, perabot, keluaran kertas & percetakan pada kadar 4.5 peratus. Dari segi pewujudan jawatan, sektor Pembuatan mencatatkan 11.9 ribu jawatan baharu pada ST2 2025, dengan subsektor Produk elektrik, elektronik & optikal menyumbang peratus terbesar iaitu 12.6 peratus daripada jumlah keseluruhan pewujudan jawatan [Paparan 6].

Paparan 7: Permintaan Buruh Sektor Pembinaan, ST2 2024 & ST2 2025



Pada suku kedua tahun 2025, sektor **Pembinaan** meneruskan trajektori peningkatannya pada kadar yang sederhana, dengan jumlah jawatan meningkat kepada 1,274 ribu jawatan, mencatatkan 0.5 peratus peningkatan tahun ke tahun berbanding tahun sebelumnya bagi suku yang sama (ST2 2024: 1,268 ribu). Kadar jawatan diisi yang direkodkan ialah 98.0 peratus, dengan 1,249 ribu jawatan telah diisi manakala kekosongan merangkumi 2.0 peratus iaitu sebanyak 25.2 ribu kekosongan. Selain itu, sejumlah 3.5 ribu pewujudan jawatan telah direkodkan dalam sektor ini [Paparan 7].

Paparan 8: Permintaan Buruh Sektor Perkhidmatan, ST2 2024 & ST2 2025




Sektor **Perkhidmatan** terus berkembang pada ST2 2025 dengan mencatatkan peningkatan tahun ke tahun sebanyak 2.1 peratus dalam jumlah jawatan kepada 4,746 ribu, didorong terutamanya oleh subsektor Perdagangan borong & runcit. Daripada jumlah jawatan tersebut, 99.5 peratus

(4,721 ribu) merupakan jawatan diisi, manakala kekosongan merangkumi 0.5 peratus, iaitu bersamaan dengan 24.8 ribu kekosongan.

Kadar jawatan diisi yang direkodkan oleh semua subsektor dalam sektor Perkhidmatan telah melepas 99.0 peratus. Subsektor Makanan & minuman serta penginapan merekodkan kadar jawatan diisi tertinggi iaitu 99.8 peratus, manakala subsektor Kewangan, insurans, harta tanah & perkhidmatan perniagaan merekodkan kadar terendah iaitu 99.0 peratus. Justeru, subsektor ini juga mencatatkan kadar kekosongan tertinggi pada 1.0 peratus.

Sejumlah 14.9 ribu jawatan baharu diwujudkan dalam sektor Perkhidmatan, dipacu oleh subsektor Perdagangan borong & runcit yang menyumbang 8.8 ribu jawatan diwujudkan [Paparan 8].

Paparan 9: Nisbah Kekosongan kepada Penganggur, ST1 2022 - ST2 2025




Paparan 9 memaparkan trend nisbah kekosongan jawatan kepada penganggur dari ST1 2022 hingga ST2 2025. Sepanjang tempoh ini, nisbah tersebut kekal menunjukkan trajektori peningkatan yang konsisten, mencerminkan pasaran buruh yang lebih kompetitif di mana kekosongan jawatan berkembang manakala pengangguran menurun. Nisbah tersebut yang telah bermula dengan 0.275 pada ST1 2022 kemudian meningkat secara beransur-ansur setiap suku tahun, mencecah 0.369 pada ST1 2025 sebelum meningkat kepada 0.374 pada ST2 2025. Trend ini didorong oleh peningkatan kekosongan, daripada 184.3 ribu pada ST1 2022 kepada 194.9 ribu pada ST2 2025, selari dengan penurunan ketara dalam bilangan penganggur, daripada 671.2 ribu kepada 520.9 ribu dalam tempoh yang sama. Tahun 2024 menandakan satu lagi tempoh peningkatan berterusan, dengan nisbah meningkat daripada 0.346 pada ST1 2024 kepada 0.359 pada ST4 2024. Nisbah terkini pada ST2 2025 merupakan nisbah tertinggi yang direkodkan sejak Siri ini bermula, sekali gus menekankan daya tahan berterusan pasaran buruh [Paparan 9].

Introduction

This publication presents the labour demand statistics derived from the Quarterly Employment Survey conducted among registered private sector businesses encompassing major economic activities namely, Agriculture, Mining & Quarrying, Manufacturing, Construction and Services. The principal statistics of employment presented in this report are jobs, filled jobs, vacancies and jobs created by economic activity and skills category.

Concepts & Definitions


Labour demand indicates the total labour required by establishments to produce goods and services at a given point in time. The labour demand by establishments is classified into filled jobs and jobs vacancy. The concepts and definitions of the statistics on labour demand in this publication are as follows:



The details of concepts and definitions can be referred to in the technical notes on page 185 of this report.


Labour Demand in Malaysia

Chart 1: Jobs, Filled Jobs and Vacancies, Q1 2022 - Q2 2025



The economic sector maintained its growth momentum in Q2 2025, with the total number of jobs reaching 9,097 thousand, the highest recorded since Q1 2022. This represents a 1.6 per cent year-on-year growth, equivalent to 142 thousand additional jobs compared to 8,955 thousand in Q2 2024. On a quarterly basis, the number of jobs increased marginally by 0.4 per cent, from 9,064 thousand in Q1 2025. The rate of filled jobs stood at 97.9 per cent, equivalent to 8,902 thousand filled jobs, while the vacancy rate was 2.1 per cent, representing 195 thousand vacancies [Chart 1].


Chart 2: Jobs Created, Q1 2022 - Q2 2025 ('000)



In Q2 2025, the number of jobs created registered a slight year-on-year increase of 0.2 per cent, registering 31.9 thousand jobs. However, jobs created declined by 3.9 per cent on a quarterly basis, dropped from 33.2 thousand in Q1 2025 [Chart 2].

Labour Demand, Second Quarter of 2025


Exhibit 1: Labour Demand, Q2 2024 & Q2 2025



Analysing the overall performance of labour demand in Q2 2025, all indicators continued to show an upward trend reflecting a resilient and stable labour market. The total number of jobs rose by 1.6 per cent year-on-year to record 9,097 thousand jobs (Q2 2024: 8,955 thousand). From the total number of jobs, 8,902 thousand were filled, maintaining a filled jobs rate of 97.9 per cent. Alongside, the vacancy rate also remained at 2.1 per cent, equivalent to 194.9 thousand vacancies, up from 191.5 thousand in Q2 2024. In addition, jobs created grew marginally by 0.2 per cent year-on-year, reaching 31.9 thousand [Exhibit 1].

Labour Demand by Skills Category

Exhibit 2: Labour Demand by Skills Category, Q2 2024 & Q2 2025



This section highlights the distribution and performance of jobs, filled jobs, vacancies and jobs created across skilled, semi-skilled and low-skilled categories in Q2 2025.

For the **skilled category**, the number of jobs registered rose to 2,289 thousand jobs, an increase of 2.1 per cent year-on-year from 2,243 thousand jobs that was recorded in Q2 2024. The rate of filled jobs registered was 97.9 per cent, equivalent to 2,241 thousand filled jobs. The vacancy rate was 2.1 per cent with 48.0 thousand vacancies. The number of jobs created in this category decreased by 6.7 per cent, totalling 7.93 thousand jobs created recorded compared to the same quarter last year (Q2 2024: 8.50 thousand).


The **semi-skilled category** recorded 5,674 thousand jobs in Q2 2025, an increase of 76.0 thousand from 5,598 thousand in Q2 2024. Meanwhile, the filled jobs rate was 98.1 per cent with 5,564 thousand filled jobs, while the vacancy rate was 1.9 per cent representing 109.5 thousand vacancies. Jobs created in this category increased by 3.0 per cent reaching a total of 20.6 thousand new jobs (Q2 2024: 20.0 thousand).

In the **low-skilled category**, the number of jobs grew by 1.8 per cent, registering 1,134 thousand jobs (Q2 2024: 1,114 thousand). A total of 1,097 thousand were filled jobs with a filled jobs rate at 96.7 per cent. The vacancy rate was 3.3 per cent, which corresponds to 37.4 thousand vacancies. There were 3.36 thousand jobs created, making up 10.6 per cent of the total jobs created in the economic sector.

Furthermore, the distribution of labour demand indicates that by skills category, the semi-skilled category continued to dominate, accounting for over half of the total of all indicators, followed by the skilled and low-skilled categories. Semi-skilled category represented 62.4 per cent of total jobs, 62.5 per cent of filled jobs, 56.2 per cent of vacancies and 64.6 per cent of jobs created. Skilled category followed, contributing 25.1 per cent of total jobs, 25.2 per cent of filled jobs, 24.6 per cent of vacancies and 24.9 per cent of jobs created. The low-skilled category recorded the smallest percentage share, comprising 12.5 per cent of jobs, 12.3 per cent of filled jobs, 19.2 per cent of vacancies and 10.5 per cent of jobs created [Exhibit 2].

Labour Demand by Economic Activity

Exhibit 3: Labour Demand by Economic Activity, Q2 2025 (% Share)




Analysing the labour demand by economic activity, the Services sector recorded the largest share of total **jobs**, accounting to 52.2 per cent (4,746 thousand), followed by Manufacturing at 27.4 per cent (2,496 thousand). The Construction sector contributed 14.0 per cent of jobs (1,274 thousand), while Agriculture represented 5.5 per cent (501 thousand) jobs. The Mining & Quarrying sector had the smallest share of 0.9 per cent (81 thousand).

In terms of **filled jobs**, the Services sector continued to lead with 53.0 per cent representing 4,721 thousand filled jobs, followed by the Manufacturing and Construction sectors with 26.8 per cent (2,383 thousand) and 14.0 per cent (1,249 thousand) of filled jobs, respectively. On the other hand, the Agriculture sector held a 5.3 per cent share, comprising 469 thousand filled jobs while the Mining & Quarrying sector accounted for 0.9 per cent with 80 thousand filled jobs.

The jobs **vacancy** was predominantly in the Manufacturing sector with a share of 57.7 per cent or equivalent to 112.4 thousand vacancies, indicating a sustained labour demand in this sector. The Agriculture sector accounted for 16.3 per cent (31.8 thousand) vacancies while Construction represented 13.0 per cent (25.2 thousand) and Services at 12.7 per cent (24.8 thousand). The remaining of 0.3 per cent (0.6 thousand) of vacancies were in the Mining & Quarrying sector.


Regarding **jobs created**, the Services sector recorded the largest share of 46.7 per cent (14.9 thousand). This was followed by the Manufacturing sector with 37.4 per cent (11.9 thousand), Construction 11.0 per cent (3.5 thousand) and Agriculture with 4.2 per cent (1.3 thousand). The Mining & Quarrying sector contributed 0.7 per cent (0.2 thousand) of the total jobs created [Exhibit 3].

Exhibit 4: Labour Demand of Agriculture Sector, Q2 2024 & Q2 2025




The **Agriculture** sector recorded a modest 0.2 per cent year-on-year growth in the number of jobs, rising to 501 thousand jobs in Q2 2025 from 500 thousand in the corresponding quarter of 2024. The number of filled jobs also grew by 0.3 per cent to 469 thousand, reflecting a filled jobs rate at 93.7 per cent. Simultaneously, vacancies remained unchanged at 31.8 thousand in both Q2 2025 and Q2 2024. In the current quarter, this sector recorded 1.3 thousand jobs created [Exhibit 4].

Exhibit 5: Labour Demand of Mining & Quarrying Sector, Q2 2024 & Q2 2025



The **Mining & Quarrying** sector posted a 0.5 per cent year-on-year increase in the number of jobs, bringing the total to 81 thousand jobs in Q2 2025. Of this total, 99.3 per cent (80 thousand) were filled jobs, while the vacancies rate was 0.7 per cent (0.6 thousand). During this quarter, the sector recorded a 0.5 per cent year-on-year increase in jobs created, accounting to 0.2 thousand [Exhibit 5].

Exhibit 6: Labour Demand of Manufacturing Sector, Q2 2024 & Q2 2025




The Electrical, electronic & optical products sub-sector remained as the key driver of labour demand growth in the **Manufacturing** sector. In Q2 2025, this sector registered 2,496 thousand jobs, marking a year-on-year growth of 1.5 per cent, equivalent to an additional of 37 thousand jobs compared to Q2 2024 (2,459 thousand). Of these, 95.5 per cent (2,383 thousand) were filled jobs, while the remaining 4.5 per cent (112.4 thousand) were vacant.

Breaking down by sub-sector, the Electrical, electronic & optical products sub-sector registered the highest number of jobs at 657 thousand, followed by the Petroleum, chemical, rubber, and plastic products sub-sector with 451 thousand jobs. The highest filled jobs rate was recorded in the Textiles, wearing apparel & leather products sub-sector at 96.5 per cent, closely followed by the Non-metallic mineral goods, basic metal & fabricated metal products and Food processing, beverages & tobacco products sub-sector at 95.9 per cent. In contrast, the Electrical, electronic & optical products sub-sector posted the lowest filled jobs rate at 94.7 per cent.

Moving on to vacancies, a total of 112.4 thousand jobs were recorded in the Manufacturing sector. The highest vacancy rate was observed in the Electrical, electronic & optical products sub-sector at 5.3 per cent, followed by the Wood products, furniture, paper products & printing sub-sector at 4.5 per cent. In terms of jobs created, the Manufacturing sector posted 11.9 thousand new jobs in Q2 2025, with the Electrical, electronic & optical products sub-sector contributes the largest share of 12.6 per cent of the total jobs created [Exhibit 6].

Exhibit 7: Labour Demand of Construction Sector, Q2 2024 & Q2 2025



In the second quarter of 2025, the **Construction** sector continued its upward trajectory at a moderate pace, with the total jobs rising to 1,274 thousand jobs, reflecting a 0.5 per cent year-on-year increase compared to the corresponding quarter of the prior year (Q2 2024: 1,268 thousand). The filled jobs rate recorded was 98.0 per cent, with 1,249 thousand jobs were filled whereas the vacancies made up the remaining 2.0 per cent with 25.2 thousand vacancies. In addition, a total of 3.5 thousand jobs created was registered in this sector [Exhibit 7].

Exhibit 8: Labour Demand of Services Sector, Q2 2024 & Q2 2025



The **Services** sector continued to expand in Q2 2025, posting a 2.1 per cent year-on-year increase in total jobs to 4,746 thousand, driven primarily by the Wholesale & retail trade sub-sector. Out of the total jobs, 99.5 per cent (4,721 thousand) were filled jobs, while vacancies accounted for the remaining 0.5 per cent, equivalent to 24.8 thousand vacancies.

The filled jobs rate recorded across all subsectors within the Services sector have surpassed 99.0 per cent. The Food & beverages and accommodation sub-sector recorded the highest filled jobs rate at 99.8 per cent, while the Finance, insurance, real estate & business services subsector recorded the lowest rate at 99.0 per cent. Correspondingly, this sub-sector also registered the highest vacancy rate at 1.0 per cent.

A total of 14.9 thousand new jobs were created in the Services sector, led by the Wholesale & retail trade sub-sector, which contributed 8.8 thousand jobs created [Exhibit 8].

Exhibit 9: Vacancies to Unemployed Ratio, Q1 2022 - Q2 2025




Exhibit 9 illustrates the trend of the vacancies to unemployed ratio from Q1 2022 to Q2 2025. Throughout the observed period, the ratio maintained a consistent upward trajectory, reflecting a more competitive labour market where jobs vacancy expands while unemployment declines. The ratio started from 0.275 then gradually increased each quarter, reaching 0.369 by Q1 2025 before edging higher to 0.374 in Q2 2025. This trend was driven by an increase in vacancies from 184.3 thousand in Q1 2022 to 194.9 thousand in Q2 2025, in line with a significant decline in the number of unemployed persons, falling from 671.2 thousand to 520.9 thousand over the same period. Notably, 2024 marked another period of steady gains, with the ratio climbing from 0.346 in Q1 2024 to 0.359 in Q4 2024. The latest ratio recorded in Q2 2025 represents the highest level recorded since the beginning of the series, underscoring sustained labour market resilience [Exhibit 9].

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank

JADUAL TABLES



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank

		Aktiviti Ekonomi Economic Activity	2021	2022	2023	2024
1	Jumlah Total					
1.1	Jawatan Jobs	8,530.7	8,755.6	8,935.1	9,054.2	
1.2	Jawatan Diisi Filled Jobs	8,347.1	8,563.2	8,744.9	8,860.7	
1.3	Kekosongan Vacancies	183.6	192.4	190.2	193.6	
1.4	Pewujudan Jawatan Jobs Created	69.49	116.65	126.47	127.24	
2	Pertanian Agriculture					
2.1	Jawatan Jobs	468.4	479.8	495.5	501.5	
2.2	Jawatan Diisi Filled Jobs	438.7	448.1	464.5	469.6	
2.3	Kekosongan Vacancies	29.8	31.7	31.1	31.9	
2.4	Pewujudan Jawatan Jobs Created	3.39	5.97	6.17	5.21	
3	Perlombongan & Pengkuarian Mining & Quarrying					
3.1	Jawatan Jobs	77.9	79.5	80.6	80.5	
3.2	Jawatan Diisi Filled Jobs	77.4	79.1	80.1	80.0	
3.3	Kekosongan Vacancies	0.4	0.4	0.5	0.5	
3.4	Pewujudan Jawatan Jobs Created	0.33	0.43	0.68	0.86	
4	Pembuatan Manufacturing					
4.1	Jawatan Jobs	2,321.3	2,414.1	2,469.0	2,503.7	
4.2	Jawatan Diisi Filled Jobs	2,217.7	2,306.5	2,361.0	2,393.2	
4.3	Kekosongan Vacancies	103.6	107.5	108.0	110.5	
4.4	Pewujudan Jawatan Jobs Created	29.19	37.49	41.52	43.44	
5	Pembinaan Construction					
5.1	Jawatan Jobs	1,249.2	1,250.8	1,264.8	1,272.0	
5.2	Jawatan Diisi Filled Jobs	1,227.3	1,227.5	1,239.2	1,246.3	
5.3	Kekosongan Vacancies	22.0	23.3	25.5	25.7	
5.4	Pewujudan Jawatan Jobs Created	10.76	13.37	14.68	14.55	
6	Perkhidmatan Services					
6.1	Jawatan Jobs	4,413.9	4,531.4	4,625.2	4,696.5	
6.2	Jawatan Diisi Filled Jobs	4,386.0	4,501.9	4,600.2	4,671.5	
6.3	Kekosongan Vacancies	27.9	29.4	25.0	25.0	
6.4	Pewujudan Jawatan Jobs Created	25.82	59.39	63.43	63.19	

1.1b**Statistik Guna Tenaga Tahunan mengikut Kemahiran, 2021 - 2024***Annual Employment Statistics by Skill, 2021 - 2024*

('000)

		Kemahiran Skill	2021	2022	2023	2024	
1	Jumlah Total						
	1.1	Jawatan <i>Jobs</i>	8,530.7	8,755.6	8,935.1	9,054.2	
	1.2	Jawatan Diisi <i>Filled Jobs</i>	8,347.1	8,563.2	8,744.9	8,860.7	
	1.3	Kekosongan <i>Vacancies</i>	183.6	192.4	190.2	193.6	
	1.4	Pewujudan Jawatan <i>Jobs Created</i>	69.49	116.65	126.47	127.24	
2	Mahir Skilled						
	2.1	Jawatan <i>Jobs</i>	2,109.9	2,180.6	2,236.0	2,266.2	
	2.2	Jawatan Diisi <i>Filled Jobs</i>	2,066.9	2,131.9	2,187.9	2,218.6	
	2.3	Kekosongan <i>Vacancies</i>	42.9	48.6	48.1	47.6	
	2.4	Pewujudan Jawatan <i>Jobs Created</i>	20.79	34.47	35.61	34.18	
3	Separuh Mahir Semi-skilled						
	3.1	Jawatan <i>Jobs</i>	5,311.7	5,458.1	5,587.1	5,659.3	
	3.2	Jawatan Diisi <i>Filled Jobs</i>	5,209.0	5,352.1	5,481.5	5,550.8	
	3.3	Kekosongan <i>Vacancies</i>	102.7	105.9	105.6	108.5	
	3.4	Pewujudan Jawatan <i>Jobs Created</i>	43.04	70.98	78.62	79.76	
4	Berkemahiran Rendah Low-skilled						
	4.1	Jawatan <i>Jobs</i>	1,109.1	1,117.0	1,112.0	1,128.8	
	4.2	Jawatan Diisi <i>Filled Jobs</i>	1,071.1	1,079.1	1,075.5	1,091.2	
	4.3	Kekosongan <i>Vacancies</i>	38.0	37.8	36.5	37.5	
	4.4	Pewujudan Jawatan <i>Jobs Created</i>	5.66	11.20	12.24	13.30	

1.1c

Kadar Jawatan Diisi dan Kadar Kekosongan, 2021 - 2024*Rate of Filled Jobs and Rate of Vacancies, 2021 - 2024*

(%)

Kemahiran & Aktiviti Ekonomi <i>Skill & Economic Activity</i>		2021	2022	2023	2024
		2021	2022	2023	2024
A	Jumlah Total				
A.1	Kadar Jawatan Diisi <i>Rate of Filled Jobs</i>	97.8	97.8	97.9	97.9
